

Banjir

Kunjungan PM legakan mangsa

Muhyiddin beri kata semangat, beri jaminan hulu bantuan

Temerloh: Sebalik musibah banjir melanda Pahang, mangsa banjir kali ini berkesempatan menyuarkan keluh kesah mereka terus kepada pemimpin tertinggi negara, yang menyantuni mereka semalam.

Kunjungan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Temerloh di sini dan Sekolah Menengah Tengku Ampuan Afzan, Chenor di Maran, memberikan kelegaan kepada mangsa banjir di kawasan itu, semalam.

Perdana Menteri yang tiba di SMK Seberang Temerloh pada jam 10 pagi menggunakan helikopter, disambut Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, meluangkan masa 40 minit melawat mangsa banjir ditempatkan di sekolah berkenaan.

Perdana Menteri kemudian diberikan taklimat pengurusan bencana banjir di dua daerah yang dilawati itu. Turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Bencana Negara (NADMA) Datuk Dr Aminuddin Hassim.

Dalam lawatan itu, Muhyiddin turut beramah mesra dengan mangsa banjir, menyantuni warga emas dan menyampaikan sumbangan kit makanan kepada mereka.

Selain itu, beliau turut meninjau kemudahan disediakan kepada mangsa banjir, di pusat pemindahan di SMK Seberang Temerloh itu yang menempatkan 873 orang daripada 204 keluarga, setakat 12 tengah hari ini.

Muhyiddin turut mendengar pembentangan laporan situasi banjir bagi daerah Maran ketika melawat PPS SM Tengku Ampuan Afzan di Chenor.

Dalam pembentangan itu, Perdana Menteri memberi penekanan mengenai keperluan pengurusan mangsa pasca banjir, khususnya berkaitan hal membantu mangsa yang mengalami kerosakan rumah, selain kerosakan infrastruktur awam.

Muhyiddin yang juga Ahli Par-



Muhyiddin beramah mesra bersama sebahagian mangsa banjir di PPS SMK Seberang Temerloh, semalam.

(Foto BERNAMA)

limen Pagoh, mahukan bantuan makanan diteruskan sehingga tempoh tertentu kepada mangsa banjir, selepas mereka pulang ke rumah.

Di PPS itu, beliau turut menyantuni mangsa yang menjadi tempat perlindungan kepada 173 individu dari 53 keluarga yang selain dilihat menenangkan beberapa mangsa banjir yang sebak, ketika menceritakan keadaan mereka yang terkesan akibat musibah itu.

Perdana Menteri turut memberi nasihat dan kata semangat kepada mangsa, selain memberi jaminan kerajaan akan membantu mereka dalam menghadapi pasca bencana itu.

BERNAMA



Muhyiddin diiringi Wan Rosdy (kanan) ketika melawat mangsa banjir di PPS SMK Tengku Ampuan Afzan, Chenor, Maran, semalam. (Foto BERNAMA)